

31 MAR 2001

MALAYSIA-GLOBALISASI/I

MALAYSIA BERHASRAT MENGEKALKAN KEBEBASANNYA DALAM DUNIA GLOBALISASI

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Malaysia berhasrat mengekalkan kebebasannya, walaupun selepas seluruh dunia diglobalisasikan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita perlu menangani globalisasi ini dengan cara membuat cadangan kita sendiri berkenaan dengan bentuk globalisasi supaya bentuknya tidak akan merugikan negara kita," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Barisan Nasional (BN) di sini hari ini.

"Kita percaya amat penting sekali rakyat faham pendirian yang diambil kerajaan BN dan sebab-sebabnya," tambah beliau.

Kesan globalisasi dan bahayanya adalah di antara isu-isu yang telah dibincangkan dalam mesyuarat MT Barisan Nasional itu hari ini, jelas Dr Mahathir yang juga pengerusi Barisan Nasional.

"Kita merasakan bahawa jika dunia diglobalisasikan, maka mereka yang mendapat faedah daripada globalisasi mestilah memberi sumbangan kepada kekayaan dunia. Jadi itulah sebabnya ada cadangan supaya negara-negara kaya dikenakan cukai bagi mengagihkan kekayaan di kalangan negara-negara miskin, katanya.

Beliau berkata setiap negara mempunyai sistem cukainya sendiri.

"Di Malaysia, contohnya, mereka yang kaya membayar cukai korporat dan cukai pendapatan supaya kita boleh membina dan mengekalkan kemudahan-kemudahan yang ada untuk dinikmati bersama oleh mereka yang kaya dan miskin," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata dengan globalisasi, dunia akan menjadi seperti satu negara dan mereka yang menceburi bidang perniagaanlah akan mendapat manfaat yang banyak sekali daripadanya.

"Mereka sepatutnya membantu yang miskin dan itu sebabnya kita mencadangkan cukai digunakan bagi membina infrastruktur di mana negara-negara miskin tidak mampu mengadakannya," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata dengan adanya infrastruktur sedemikian, pembangunan negara dapat dirangsangkan.

Menyentuh tentang reaksi kepada cadangan tersebut, Dr Mahathir berkata: "Kita telah bertanya kepada beberapa negara, tetapi sudah tentulah negara-negara kaya tidak setuju, kerana tidak ada orang kaya yang mahu dikenakan cukai. Mereka mahu membuat keuntungan dan membolotnya sendiri."

Bagaimanapun, katanya dunia perlu menerima hakikat bahawa jika dunia globalisasi mahu diwujudkan, orang perlu dikenakan cukai untuk mengekalkannya.

"Sebuah dunia globalisasi di mana kita boleh menjalankan perniagaan dengan bebas, tanpa halangan sempadan, hanya boleh menguntungkan mereka yang ada duit.

"Penjual kacang putih di sini tidak boleh berkembang dan mempunyai cawangan di AS dan Eropah," katanya.

Tetapi sebaliknya, syarikat-syarikat besar dari negara-negara kaya boleh datang ke mari dan mengaut keuntungan, katanya.

"Jadi adillah jika mereka (negara-negara maju) menyumbang ke arah pembangunan negara-negara miskin," tambah beliau. -- BERNAMA

MSL FR KY AA